

LAPORAN AKTIVITI JANM PULAU PINANG

BULAN APRIL 2021

1. TAKLIMAT ePEROLEHAN MODUL PEMBELIAN TERUS DAN SEBUTHARGA

Unit Pengurusan Prestasi telah menganjurkan Taklimat ePerolehan Modul Pembelian Terus dan Sebutharga Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang yang diadakan pada 8 April 2021 bertempat di Bilik Latihan JANM Pulau Pinang.

Taklimat ini disampaikan oleh En Hazwan bin Che Utama dan En Ahmad Jalaludeen Bin Roohul Haque dari Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDC). Peserta yang hadir adalah seramai 15 orang yang terdiri dari pegawai JANM yang menguruskan pembelian terus dan sebutharga di JANM Pulau Pinang. Taklimat ini dijalankan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN / IPN.



Sebahagian peserta yang terlibat



Sebahagian peserta yang terlibat



Penceramah sedang memberi taklimat

2. KURSUS GENERIK: PERAKAUNAN TERIMAAN/ HASIL KERAJAAN

Institut Perakaunan Negara (IPN) melalui program Generik Kewangan dan Perakaunan Zon Utara telah menganjurkan Kursus Generik: Perakaunan Terimaan/ Hasil Kerajaan pada 5 - 7 April 2021. Kursus diadakan di Bilik Latihan JANM Pulau Pinang, Tingkat 40, KOMTAR. Kursus telah disampaikan oleh Encik Muhammad Rajhi bin Ghazali, Puan Norazlina binti Othman dan Puan Noor Hanisa binti Sabari daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Seramai 15 orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan yang menghadiri kursus ini. Kursus ini diadakan bagi memberi penerangan mengenai tatacara Pengurusan Terimaan/ Hasil Kerajaan dan cara pengendalian perakaunannya. Sepanjang perjalanan kursus ini, peserta sentiasa dipastikan untuk mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak MKN / IPN.



Penceramah sedang memberikan taklimat



Penceramah sedang memberikan taklimat



Sebahagian peserta yang terlibat



Sebahagian peserta yang terlibat

3. KURSUS PENGENALAN KEPADA MPSAS SIRI 1 – TRM PEMBANTU AKAUNTAN DAN PENOLONG AKAUNTAN (EPEMBELAJARAN)

Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara telah menganjurkan Kursus Pengenalan Kepada MPSAS Siri 1 – TRM Pembantu Akauntan dan Penolong Akauntan (ePembelajaran) dari 5 April 2021 hingga 7 April 2021. Kursus diadakan di Bilik Mesyuarat, JANM Pulau Pinang. Kursus telah disampaikan oleh En Rajendran a/l Arjunan dari Institut Perakaunan Negara secara *online*.

Seramai 4 orang peserta Pembantu Akauntan dan seorang Penolong Akauntan dari JANM Pulau Pinang menghadiri kursus ini bersama Pembantu Akauntan dan Penolong Akauntan lain dari seluruh Malaysia. Sepanjang perjalanan kursus ini, peserta sentiasa dipastikan untuk mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak MKN / IPN.



Sebahagian peserta dari JANM Pulau Pinang



Peserta dari JANM Pulau Pinang menghadiri kursus secara online

4. PROGRAM PENGUMPULAN PAKAIAN TERPAKAI

Jawatankuasa Promosi EKSA telah menganjurkan Program Pengumpulan Pakaian Terpakai dengan membuat hebahan melalui email kepada warga JANM Pulau Pinang. PEngumpulan pakaian terpakai telah diadakan dari 11/01/2021 hingga 22/01/2021. Pakaian yang telah dikumpul, dipilih dan dinilai semula sebelum dimasukkan ke dalam kotak yang berlabel dan diletakkan mengikut kriteria pakaian masing-masing. Pakaian yang dikumpul berjaya dihantar ke masjid-masjid di Bertam, Pulau Pinang pada 9 April 2021 oleh urus setia Jawatankuasa Promosi EKSA.



Sebahagian pakaian yang diagihkan mengikut kriteria



Proses memilih, menilai dan pengagihan oleh penganjur Program



Proses penghantaran ke Masjid dari JANM Pulau Pinang



Sebahagian daripada pakaian yang telah diagih



Penyampaian Pakaian kepada wakil dari Masjid di Bertam, Pulau Pinang

5. BACAAN YASIN 2021 DAN CERAMAH IHYA RAMADAN

JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JHEAIN) telah menganjurkan Majlis Bacaan Yasin dan Ceramah Ihya Ramadan Tahun 2021 secara hybrid (fizikal dan talian) melalui aplikasi Lifesize pada 19 April 2021 dari 8.30 pagi hingga 9.30 pagi. Majlis ini dijalankan oleh Ustaz Mohd Meeftah Anuar. Seramai 10 orang pegawai dari JANM Pulau Pinang yang menghadiri Majlis ini di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang. Pegawai yang menghadiri majlis ini sentiasa dipastikan untuk mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak MKN / IPN.



Sebahagian hadirin Majlis Bacaan Yasin



Majlis dalam talian melalui aplikasi Lifesize